

**KAEDAH PENDAFTARAN TANAH WAKAF DI TERENGGANU:  
AMALAN DAHULU DAN SEKARANG**

**METHOD FOR WAQF LAND REGISTRATION IN TERENGGANU:  
PAST AND PRESENT PRACTICE**

MOHD RIDZUAN MOHAMAD (Ph.D)  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)  
duan\_shi@yahoo.com

DR. AHMAD AZRIN ADNAN  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)  
kpemaidam@gmail.com

DR. ZURITA MOHD YUSOFF  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
zurita@unisza.edu.my

DR. NADHIRAH NORDIN  
(Assoc. Prof. Dr)  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
nadhira@unisza.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE  
(RECEIVED –26/9/2023: REVISED – 15/10/2023: ACCEPTED – 21/11/2023)

---

**ABSTRACT**

Although development and administration of *waqf* land in Malaysia are under State Islamic Religious Council, it is still bound to certain allocation in National Land Code 1965 (KTN). Due to this, there are several *waqf* lands which have been cancelled under KTN named KSB 469, KSB 648 and KSB 460 in Kampung Tanjung Kuala Terengganu. This cancellation causes the loss of title for the *waqf* lands and currently the lands are deemed government reserve land status. This article attempts to trail the history of *waqf* land registration in Terengganu since 18<sup>th</sup> century AD until current implementation. Data obtained were analysed through content analysis method. This article found that: First, method of *waqf* land registration Terengganu in 18<sup>th</sup> century was dictated through a jawi-written document and proclaimed by the Sultan at that time. Second, after British settlement in 19<sup>th</sup> century, *waqf* land registration was fully based on KTN and registered through ‘Number Settlement Statement’(KSB) record. Third, registration remains under KTN. However, documentations related to *waqf* pledge are managed by Terengganu State Religious Office and then transferred to Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIDAM) and full implementation is under Terengganu State *Waqf* Enactment 2016. Implication of this study is important to the Government so that it can handle *waqf* land registration issue by forming a new policy aligning with current legislation to apply in Terengganu.

**Keywords:** *Waqf* Land Registration, National Land Code 1965, Land Vesting and MAIDAM.

## **ABSTRAK**

Walaupun pembangunan dan pentadbiran tanah wakaf di Malaysia terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri, ia masih terikat peruntukan tertentu dalam Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Atas sebab ini, terdapat beberapa tanah wakaf pernah dibatalkan di bawah KTN iaitu KSB 469, KSB 648 dan KSB 460 di Kampung Tanjung Kuala Terengganu. Kesan pembatalan ini menyebabkan geran atau surat tanah wakaf tersebut telah hilang dan kini tanah tersebut berstatus tanah rezab kerajaan. Artikel ini cuba menelusuri sejarah pendaftaran tanah wakaf di Terengganu mulai abad ke-18 Masihi sehingga pelaksanaannya masa kini. Data yang diperoleh dianalisis secara kaedah analisis kandungan. Artikel ini mendapati, pertama kaedah pendaftaran tanah wakaf di Terengganu pada abad ke-18 dicatatkan melalui sebuah dokumen bertulisan jawi dan dizahirkan oleh Sultan pada ketika itu. Kedua, setelah kedatangan British pada abad ke-19, pendaftaran tanah wakaf secara sepenuhnya berdasarkan KTN dan didaftarkan melalui rekod 'Kenyataan Satlement Bilangan'(KSB). Ketiga, pendaftaran masih kekal berdasarkan KTN. Namun begitu, dokumentasi berkait dengan ikrar wakaf diuruskan oleh Pejabat Agama Negeri Terengganu dan kemudiannya beralih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan pelaksanaan sepenuhnya di bawah Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016. Implikasi kajian ini penting kepada pihak Kerajaan agar dapat menanggapi isu pendaftaran tanah wakaf dengan mewujudkan dasar baharu yang selaras perundangan semasa untuk diaplikasikan di Terengganu.

**Kata Kunci:** Pendaftaran Tanah Wakaf, Kanun Tanah Negara 1965, Perletahakan Tanah dan MAIDAM.


### **1. PENGENALAN**

Tadbir urus yang berkait tentang urusan pendaftaran tanah adalah di bawah kawalan Pejabat Tanah Daerah dan Galian di seluruh negeri. Manakala dari sudut perundangan pula, Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 76 (4) telah memberi kuasa untuk dibentuk suatu perundangan khusus yang digunapakai bagi seluruh negeri secara keseragaman yang dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara. Sebagaimana termaktub di bawah Kanun Tanah Negara seksyen 40, tanah 'kerajaan' adalah merujuk kepada tanah hak mutlak bagi 'Pihak Berkuasa Negeri-Negeri'. Mengikut tafsiran di bawah seksyen 5 pula, tanah yang berada di dalam negeri adalah terdiri daripada tanah rezab, tanah lombong, tanah hutan simpan, sungai dan pantai (Salleh Buang, 1993). Mengenai sejarah Kanun Tanah Negara pada era kedatangan Inggeris, undang-undang tanah mula dilaksanakan di bawah pentadbirannya pada tahun 1874 di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan, manakala di Pahang pula pada tahun 1888. Kemudian Kanun Tanah Negara disatukan di peringkat Persekutuan pada tahun 1896. Pada tahun 1911, undang-undang tanah berjaya dikanunkan dan sebanyak 130 seksyen yang terkandung dalam perundangan tersebut. Proses perundangan terus berkembang sehingga terbentuk Kanun Tanah Negara pada

tahun 1926. Setelah 49 tahun kemudian, undang-undang tanah telah dikuatkuasakan secara komprehensif iaitu Kanun Tanah Negara pada tahun 1965 (Wan Hashim, 1984).

Dalam konteks pendaftaran tanah, ia digunapakai mengikut prinsip ‘Torrens’ iaitu ‘Daftar adalah segala-galanya’, (Salleh Buang, 1993). Hal ini termaktub di bawah Seksyen 340 (1) Kanun Tanah Negara 1965 bahawa sesuatu ‘hak milik’ yang sempurna didaftarkan tidak boleh disangkalkan.

‘Hakmilik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau esmen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal’



**Rajah 1:** KSB Tanah wakaf bertarikh 1950.

Selaras dengan perundangan tanah ini, tanah wakaf di Terengganu telah mempunyai geran hak milik yang didaftarkan di bawah KTN sejak tahun 1950 an dan dikenali sebagai ‘Kenyataan Satlement Bilangan’. Kedudukan KSB adalah berdasarkan kepada ‘Settlement Enactment 65-1356 dan seterusnya ditukarkan kepada ‘Keterangan Register Mukim (KRM)’ di bawah ‘Land Enactment 3/1357’. Beberapa tanah wakaf yang didaftarkan di bawah KRM telah dibatalkan melalui ‘endorsan’ oleh Pihak Berkuasa Negeri bertarikh 13 Februari 1982 (Ridzuan 2022). Contoh KSB yang dibatalkan sepertimana Rajah 1 di bawah:

Keterangan KSB ini ialah Lot 60 terletak di Kampung Tanjung, Daerah Kuala Terengganu. Dalam endorsan pada tahun 1982 dinyatakan pembatalan hak milik tanah wakaf dan ditukarkan kepada tanah rezab kerajaan sebagaimana catatan berikut:

KSB ini dibatalkan menurut arahan P.T. & G.Tr bil (8) dalam C.L.M 166/53 bertarikh 25.12.1969 untuk diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Oleh demikian, keberadaan pendaftaran tanah wakaf dalam konteks KTN perlu dilihat secara mendalam bagi memastikan tanah-tanah wakaf dilindungi status pemilikannya. Pada tahun 2009 Pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengeluarkan kaedah pendaftaran tanah wakaf sebagai panduan untuk digunapakai di seluruh negara, tetapi garis panduan tersebut tidak digunapakai sepenuhnya di peringkat Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Ini kerana pendaftaran tanah di Pejabat Tanah Daerah-Daerah Negeri adalah berbeza mengikut beberapa kaedah pendaftaran tanah yang peruntukkan di bawah KTN sama ada melalui kaedah 'Permohonan Jadual 1' Seksyen 76, Pindah Milik Tanah seksyen 214, Penyerahan keseluruhan tanah Seksyen 197 atau sebahagian tanah Seksyen 200, perletahakan tanah Seksyen 416c atau 415 dan perintah Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 421A. Sehubungan itu, objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pendaftaran tanah wakaf di negeri Terengganu secara mendalam dimulai dengan sejarah sehingga pelaksanaannya pada masa kini.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian mengenai pendaftaran tanah wakaf telah dijalankan. Masih terdapat kelompangan terhadap kajian terdahulu iaitu sejarah pendaftaran tanah wakaf dan pelaksanaannya di Terengganu secara khusus. Kajian tersebut tertumpu kepada skop tertentu dan huraian seperti perincian dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1.** Sorotan Kajian Pendaftaran Tanah Wakaf

Tahun	Pengkaji	Tajuk Kajian	Skop
2020	Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin	Dokumentasi Tanah Wakaf di Negeri Terengganu Sebelum Kemerdekaan Dan Implikasinya Terhadap Keputusan Jawatankuasa Fatwa	Status hak milik tanah wakaf sebelum kemerdekaan. Dalam kajian ini tidak menfokuskan kaedah proses pendaftaran tanah wakaf.
2019	Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal	Isu Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam	Menjelaskan tentang kedudukan tanah wakaf yang telah didaftarkan mengikut peruntukan di bawah KTN

			secara umum. Seterusnya dibuat perbandingan dengan hukum Islam dari sudut status tanah wakaf tersebut. Dalam kajian ini juga tidak memperincikan kaedah pendaftaran tanah wakaf mengikut perundangan KTN 1965.
2012	Sayuti Ab Ghani, Hasan Al-Banna Mohamed, Mohd Hamran Mohamad & Basri Abdul Ghani	Isu Pendaftaran Tanah Wakaf dan Kanun Tanah Negara 1965.	Kajian ini menfokuskan secara umum proses pendaftaran tanah wakaf beberapa buah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) termasuk di Terengganu. Namun, kajian ini tidak menfokuskan secara mendalam dari sudut sejarah dan pelaksanaan secara keseluruhan.
2010	Mohd Afendi Mat Rani & Sayuti Ab Ghani	Implikasi Perundangan Terhadap Pendaftaran Tanah Wakaf Di Malaysia: Satu Kajian Dari Aspek Akta Pengambilan Tanah 1960	Kajian ini menfokuskan secara khusus mengenai pengambilan tanah di bawah APT 1960 dan kesannya terhadap status pendaftaran tanah wakaf. Kajian ini juga tidak menfokuskan kepada proses pendaftaran tanah wakaf terutamanya di Terengganu.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, empat kajian tersebut menggunakan kaedah analisis kualitatif dan hasil kajiannya adalah berbeza. Kajian pertama (Ridzuan, 2020) menjuruskan kepada kedudukan dokumentasi tanah wakaf sebelum kemerdekaan. Hasil kajiannya mendapati terdapat percanggahan berdasarkan keputusan fatwa yang baharu berkait status tanah wakaf yang dikajinya. Kajian kedua (Sayuti Ab Ghani, 2019) mengkaji tentang bentuk pendaftaran tanah wakaf mengikut acuan KTN. Dapatan kajian ini menjelaskan secara umum kaedah pendaftaran dan kemudiannya dibuat perbandingan dengan hukum Islam. Terdapat sedikit ketidakselarasan

terhadap kajian perbandingan tersebut iaitu antara KTN dan hukum Islam. Kajian ketiga (Sayuti Ab Ghani, 2012) mengkaji tentang kaedah pendaftaran di setiap MAIN dan kajian tersebut tidak menjuruskan secara mendalam di negeri Terengganu. Kajian keempat pula (Mohd Afendi, 2010) mengkaji tentang tanah wakaf yang terlibat dengan isu pengambilan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT). Dapatan kajian ini menunjukkan status pendaftaran tanah wakaf adalah penting, sekiranya mana-mana tanah tidak didaftarkan di bawah MAIN maka tanah tersebut akan hilang status wakafnya (*mawquf*) jika tanah tersebut diambil oleh pihak kerajaan di bawah APT 1960. Hasil sorotan ini mendapati, jika dibandingkan kajian Ridzuan (2020), Sayuti Abd Ghani (2019) dan Mohd Afendi (2010), skop kajian yang perlu dikaji adalah kaedah pendaftaran tanah di bawah KTN dalam konteks Enkamen Wakaf Terengganu 2016 mengikut amalan pada masa kini.

### **3. METODOLOGI**


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian perpustakaan (*library research*). Data dalam bentuk dokumen terutama borang pendaftaran tanah pada sekitar 1980 diperolehi secara langsung di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Dalam kajian kualitatif, tema kajian yang terkandung setiap dokumen memerlukan kepada penelitian secara mendalam bagi memperoleh penemuan kajian yang lebih tepat (Burns, 2000). Selaras dengan kaedah ini, bagi memahami tema-tema pendaftaran tanah yang dikaji, proses temubual turut dijalankan khususnya kakitangan MAIDAM yang berurusan secara langsung berkait pendaftaran tanah di bawah KTN bagi tujuan untuk mendapat maklumat secara mendalam terutama amalan pendaftaran tanah wakaf di MAIDAM pada masa kini. Data-data yang diperolehi dan dikumpulkan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan.

#### **3.1 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

##### **3.1.1 Sejarah Pendaftaran Tanah Wakaf Terengganu**


Rekod tanah wakaf yang terawal di Terengganu ditemui ialah pada tahun 1830 iaitu wakaf khas zuriat Syeikh Abdul Kadir (Razak Rahman, 2023). Beliau merupakan Mufti bagi Kerajaan Negeri Terengganu pada zaman Sultan Omar iaitu sultan ke-9. Syeikh Abdul Kadir meninggal dunia pada tahun 1864 di Kampung Paya Bunga dan dimakamkan di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Bandar Kuala Terengganu (Zurita Yusoff, 2022).

Beberapa salinan dokumen wakaf Syekh Abdul Kadir masih disimpan di MAIDAM berdasarkan rekod fail 03-024/1, simpanan tersebut sebagaimana gambar Rajah 2 di bawah:



**Rajah 2:** Dokumen wakaf Syekh Abdul Kadir pada tahun 1830

Berdasarkan Rajah 2 di atas, kaedah pendaftaran tanah wakaf tersebut dicatat secara langsung dengan cop rasmi perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada ketika itu. Sekitar pada tahun awal 1900, beberapa tanah wakaf direkodkan dengan keadah yang sama seperti wakaf zuriat Muhamad Bin Abdullah Al-Fathani bertarikh 1917 iaitu pada zaman sultan Zainal Abidin III. Dokumen wakafnya masih juga disimpan di MAIDAM sepertimana Rajah 3 di bawah:



**Rajah 3:** Dokumen wakaf Syekh Muhammad Bin Abdullah Al-Fathani pada tahun 1917

Setelah pasca penjajahan Jepun di tanah Melayu khususnya di Terengganu, dokumen tanah wakaf ditemui berdasarkan rekod KSB sepertimana Jadual 1 di atas (Razak Rahman, 2023). Mengikut pentadbiran tanah di Terengganu di awal 1940-an, ia dilaksanakan berdasarkan undang-undang tanah yang dinamakan sebagai ‘Enakmen Rezab Melayu Terengganu 1941’ (Salleh Buang, 1993). Enakmen ini dikuatkuasakan pada zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang merupakan sultan ke-13 bagi negeri Terengganu. Dalam KTN di bawah Seksyen 4 (b) telah menjelaskan kedudukan tanah-tanah yang dikuatkuasakan sebelum KTN adalah terpakai sepertimana dinyatakan:

‘Mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan rizab Melayu atau pegangan Melayu’

Mengenai KSB yang digunakan mengikut KTN pada peringkat awal, status KSB tersebut ditukarkan kepada ‘Keterangan Register Mukim (KRM). Kemudiannya, setelah KTN dikuatkuasakan dan dibuat pindaan akhir pada 1967, KRM dan KSB tidak lagi digunakan dan digantikan kepada status Geran Mukim ‘GM’, Geran Negeri ‘GN’, Pajak Mukim ‘PM’, Pajak Negeri ‘PN’, Hakmilik Sementara Mukim ‘HS(M) dan Hakmilik Sementara Daftar ‘HS(D). (PTG, 2005). Dalam konteks tanah wakaf, kesemua jenis hak milik tersebut seperti GM, GN, PN, PM, HS(M) dan HS(D) telah digunakan dan direkod di MAIDAM (Razak Rahman, 2023).


Kedudukan wakaf di Terengganu telah dimuatkan dalam ‘*Administration Of Muslim Law Enactment (Terengganu) 1955 Section 59*’ iaitu sebelum kemerdekaan lagi (Ridzuan, 2020). Namun demikian, proses pendaftaran ketika itu adalah tertakluk pada KTN dan pihak yang mengurus adalah di Pejabat Tanah. Pejabat Tanah ketika itu telah mencatat hasrat pewakaf dan kemudiannya mendaftar sebagai tanah wakaf tanpa melibatkan MAIDAM (Razak Rahman, 2023). Sebagai contoh catatan KSB 460 (Rajah 1) yang dicatatkan oleh pemeriksa tanah ketika itu:

‘di wakafkan oleh Haji Awang Khatib sendiri lama masanya’

Kemudian pada sekitar tahun 1970 hingga 80-an, pendaftaran tanah wakaf masih diuruskan oleh pejabat tanah. Namun berkait dengan dokumen ikrar wakaf, ia diuruskan pula oleh Pejabat Hal Ehwal Agama. Ketika ini Pejabat Hal Ehwal Agama berfungsi bagi menguruskan segala urusan hal Islam termasuk pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal.



Pengawai wakaf ketika ini digelar sebagai ‘Nazir Wakaf’. Antara contoh surat Pejabat Tanah dan Galian Terengganu yang meluluskan pendaftaran tanah wakaf bertarikh 29 Mac 1988 sepertimana Rajah 4 di bawah:



**Rajah 4:** Surat kelulusan PTG bagi mendaftar tanah wakaf

Pada waktu tersebut, kaedah pendaftaran tanah wakaf yang digunakan adalah dua keadaan iaitu kaedah pindah milik tanah di bawah Seksyen 214 dan kaedah penyerahan keseluruhan tanah di bawah Seksyen 197 atau sebahagian tanah di bawah Seksyen 200 dan kaedah permohonan tanah 'Jadual 1' di bawah Seksyen 76 (Razak Rahman, 2023).

Berdasarkan kaedah pertama iaitu proses pindah milik tanah di bawah Seksyen 214, ia melibatkan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah KTN sebagaimana berikut:

- i- Keseluruhan, tetapi tidak sebahagian sahaja, mana-mana tanah beri milik [Seksyen 214 (1) (a)];
- ii- Keseluruhan, tetapi tidak sebahagian sahaja, mana-mana bahagian yang tak dipecahkan dalam dari tanah beri milik [Seksyen 214 (1) (b)];
- iii- Apa-apa pajakan tanah beri milik [Seksyen 214 (1) (c)];
- iv- Apa-apa gadaian [Seksyen 214 (1) (d)]; dan
- v- Apa-apa tenasi yang bebas daripada pendaftaran [Seksyen 214 (1) (e)].

Namun demikian, tanah yang boleh dipindah milik mengikut Seksyen 214 adalah tertakluk pada Seksyen 214 (2) (a) (b) dan (c) iaitu tanah tersebut mestilah tidak terhalang dengan tegahan atau sekatan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain (Salleh Buang, 1984). Bagi

proses pendaftaran di MAIDAM, jika seseorang hendak mewakafkan tanah maka pemilik tanah perlu menggunakan 'Borang 14 A' di bawah seksyen ini. Antara prosedur proses ini adalah:

- i- Proses penyaksian (Tandatangan antara pemberi (pewakaf) dan penerima (MAIDAM) di hadapan Pentadbir Tanah.
- ii- Proses Duti Setem di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) (Borang Seksyen 5) [PDS 15. Pin 1998].
- iii- Pendaftaran geran bagi hak milik baharu.


Kaedah kedua pula ialah kaedah Penyerahan Balik Tanah. Kaedah ini bermaksud mana-mana pihak yang memiliki tanah dan ingin menyerahkan tanah tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri (Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, 1980). Dalam hal ini, terdapat dua keadaan iaitu pertama penyerahan tanah secara keseluruhan di bawah Seksyen 197 dan kedua penyerahan sebahagian tanah di bawah seksyen 200. Borang yang diguna pakai ialah Borang 12A bagi penyerahan keseluruhan tanah dan Borang 12B bagi penyerahan sebahagian tanah. Mengikut perundangan tersebut, syarat-syarat bagi penyerahan tanah adalah tertakluk pada Seksyen 196 (1):

- i- Bahawa tiada item hasil tanah yang genap masa berkenaan dengan tanah itu [Seksyen 196 (1) (a)].
- ii- Bahawa tanah itu tidak ada di bawah penahanan oleh mana-mana mahkamah [Seksyen 196 (1) (b)].
- iii- Bahawa tiap-tiap orang atau badan yang dinyatakan dalam Subseksyen (2) telah memberi keizinan secara bertulis untuk pembuatan permohonan itu [Seksyen 196 (1) (c)].

Tanah yang ingin diserahkan mestilah bebas daripada sebarang tunggakan bayaran hasil tanah, tiada sekatan di bawah perintah Mahkamah Sivil dan mendapat keizinan secara bertulis daripada pihak berkaitan. Maksud 'orang' atau 'badan' dalam syarat di atas dijelaskan oleh Seksyen 43 iaitu tafsiran orang dan badan:

- i- Orang-orang selain remaja [Seksyen 43 (a)].
- ii- Perbadanan-perbadanan yang boleh memegang tanah [Seksyen 43 (b)].
- iii- Raja-raja, kerajaan, organisasi dan lain-lain yang diberi kuasa untuk memegang tanah [Seksyen 43 (c)].
- iv- Badan-badan yang diberi kuasa untuk memegang tanah [Seksyen 43 (d)].

Apabila hendak melaksanakan kaedah ini maka pihak MAIDAM mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya pihak MAIDAM akan memohon semula tanah yang telah diserahkan ini melalui kaedah permohonan semula tanah mengikut borang Jadual 1 [N.L.C.53-PIN.1/86'] seksyen 76. Di bawah seksyen ini, Pihak Berkuasa Negeri akan memberi pemilikan tanah kepada MAIDAM dan didaftarkan tanah tersebut oleh Pejabat Tanah sebagai tanah wakaf (Razak Rahman, 2023). Antara contoh Borang 12 A yang untuk didaftarkan sebagai tanah wakaf pada 1988 sepertimana Rajah 5 di bawah:



**Rajah 5:** Proses penyerahan tanah ‘Borang 12A’

#### 4. KAEDAH PENDAFTARAN TANAH PADA MASA KINI

Proses pendaftaran tanah wakaf di bawah Seksyen 214 masih digunapakai sehingga hari ini. Oleh kerana proses ini adalah terhad dan mempunyai beberapa sekatan di bawah Seksyen 214, maka pihak MAIDAM cuba menyelesaikan melalui kaedah ‘Perletakhakan Berkanun’ di bawah Seksyen 416C sepertimana saranan daripada pihak JKPTG. Pada peringkat awal, proses pendaftaran agak sukar dilaksanakan kerana tatacara khusus tidak dijelaskan dalam KTN. Pada 24 November 1999, pihak JKPTG telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil 8/1999 mengenai pendaftaran tanah wakaf bagi membolehkan pendaftaran tanah wakaf. Kemudiannya, pada 18 November 2016 sekali lagi pihak JKPTG mengeluarkan ‘Surat Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil/2016 berkaitan format keseragaman permohonan perletakhakan berkanun tanah wakaf untuk diguna pakai di setiap MAIN (Razak Rahman, 2023). Pelaksanaan bagi kaedah pendaftaran ini juga termaktub

dalam Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 5 (4) iaitu:

‘Jika perletakhakan tersebut melibatkan mana-mana tanah beri milik atau apa-apa bahagian dalam mana-mana tanah beri milik, Pendaftar, selepas menerima permohonan secara bertulis dari pihak Majlis tentang perletakhakan tersebut hendaklah melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Seksyen 416C Kanun Tanah Negara dan perkataan ‘wakaf’ hendaklah diendorskan dalam hak milik tersebut.’

Sekali lagi pada 13 Jun 2023, Pihak JKPTG telah membatalkan pekeliling yang lepas dengan digantikan pekeliling yang baru iaitu proses pendaftaran tanah wakaf dilaksanakan di bawah seksyen 415 mengikut ‘Borang 30A’. Proses ini melibatkan pihak MAIDAM bertindak iaitu:

- i- Pewakaf mengisi borang ‘Permohonan Wakaf’ dan beberapa dokumen yang lain seperti salinan kad pengenalan dll.
- ii- Mengisi ‘Borang 30A’
- iii-Surat Kelulusan daripada PTG (Borang Kebenaran Perletahakan)
- iv-Salinan cukai tanah
- v- Geran asal (Untuk proses mengeluarkan geran baharu)

Proses ini mengambil masa dua hingga tiga bulan untuk dapat diselesaikan kerana melibatkan siasatan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah MAIDAM dan urusan dokumentasi di pejabat tanah daerah-daerah (Razak Rahman, 2023). Terbaharu pula, pada tahun 2018, tanah-tanah rezab kerajaan di bawah KTN Seksyen 62 akan dibatalkan pewartaannya mengikut Seksyen 64 dan kemudiannya pihak MAIDAM perlu memohon proses ‘Jadual 1’ untuk mendaftarkan tanah tersebut sebagai tanah wakaf di bawah Seksyen 76. Ini berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) Kali Ke-3 Bertarikh 17 Januari 2018 iaitu:

‘Pihak Berkuasa Negeri bersetuju untuk membatalkan mana-mana tanah yang direzabkan / diwartakan menurut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan awam iaitu tapak masjid, surau dan kubur. Setelah perjalanan pembatalan selesai, tapak berkenaan boleh dipohon oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu

Terengganu (MAIDAM). Manakala tanah-tanah yang belum direzabkan / diwartakan hendaklah dipohon terus untuk diberi milik’

Kaedah terakhir ialah pendaftaran di bawah 420A di bawah seksyen 419 di mana, Pendaftar boleh merujuk kepada pihak Mahkamah Sivil bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Namun demikian, ia mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Negeri atau Pesuruhjaya Tanah Galian Negeri sebagaimana ditetapkan di bawah Seksyen 419 (3). Dalam seksyen 420 (1), pihak Mahkamah Sivil mempunyai suatu hak untuk memberi perintah pendaftaran tanah melalui perletakhakan dan tertakluk pada seksyen tersebut (Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, 1980). Dari sudut pendaftaran tanah, ia dilaksanakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah selaras di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 420A iaitu:

‘Bagi maksud-maksud Seksyen 417 dan 420, “Mahkamah” termasuklah Mahkamah Syariah.

Antara kaedah pendaftaran ini yang telah dilaksanakan ialah tanah wakaf di Terengganu yang berketerangan Lot 60039 GM 2056 Mukim Cabang Tiga, Daerah Kuala Terengganu dan Lot 281 GRN 5605 Pekan Kampung Raja, Dearah Besut. Tanah wakaf bagi Lot 60039 merupakan wakaf zuriat, manakala Lot 281 pula adalah tanah wakaf khas pendidikan. Sehubungan itu, kaedah pendaftaran ini merupakan kaedah terpencil iaitu jarang digunakan di MAIDAM kecuali jika tanah tersebut mempunyai isu yang perlu dibawa ke peringkat Mahkamah Tinggi Syariah (Razak Rahman, 2023).

## **5. KESIMPULAN**

Dalam konteks sejarah pendaftaran di Terengganu, ia dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama merujuk kepada, pendaftaran tanah wakaf pada zaman kesultanan. Ketika ini segala dokumentasi dibuat pengesahan secara langsung oleh Sultan Terengganu. Dokumen ketika ini juga ditulis dalam bentuk tulisan jawi kerana belum ada pengaruh daripada penjajahan pihak British. Fasa kedua pula, iaitu pada abad ke-20, pendaftaran tanah wakaf mula digunapakai berdasarkan KTN. Pada peringkat ini, beberapa proses perubahan telah dilakukan terutamanya status KSB ditukarkan kepada KRM. Perubahan ini adalah rentetan daripada pindaan KTN 1967. Fasa ketiga pula ialah di mana KSB ditukarkan kepada Geran Mukim ‘GM’, Pajakan Mukim ‘PM’, Geran Negeri ‘GN’, Pajakan Negeri ‘PN’, Hakmilik Sementara Daftar ‘HS(D), Hakmilik Sementara

Mukim 'HS(M). Setelah pertukaran ini berlaku, terdapat beberapa kaedah pendaftaran yang dilaksanakan seperti 'Permohonan Jadual 1' Seksyen 76, Pindah Milik Tanah Seksyen 214, Penyerahan Keseluruhan Tanah Seksyen 197 atau Sebahagian Tanah Seksyen 200, Perletakhakan Tanah Seksyen 416c atau 415 dan Perintah Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 421A. Artikel ini telah membuktikan bahawa pendaftaran tanah wakaf mengikut KTN perlu mempunyai satu mekanisme kawalan agar rekod pendaftarannya tidak diubah pada masa akan datang sepertimana berlaku ke atas beberapa rekod terdahulu dalam era KSB. Justeru itu, pemerkasaan mekanisme kawalan rekod pendaftaran tanah wakaf perlu diusahakan oleh pihak berkuasa iaitu Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Terengganu supaya pada masa akan datang ia boleh dilaksanakan tanpa melalui dasar KTN dan memadai dengan enakmen wakaf di setiap negeri. Akhirnya, kajian lanjutan masih perlu dilaksanakan oleh para penyelidik yang lain dalam aspek yang sama atau berbeza secara lebih mendalam kerana skop kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah pendaftaran di Terengganu sahaja.

## 6. RUJUKAN

- Ab Ghani, S., & Jalal, B. (2019). Isu Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam: Registration Issue of Wakaf in National Land Code (NLC) 1965: A Study from Islamic Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 101-111.
- Ab Ghani, Sayuti and Mohamed, Hasan Al-Banna and Mohamad, Mohd Hamran and Abd Ghani, Basri (2012) *Isu pendaftaran tanah wakaf dan Kanun Tanah Negara 1965 / Sayuti Ab Ghani et al. Jurnal Intelek*, 7 (1). pp. 38-45.
- Cabutan minit Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu [PTG.TR. 00/66/2014/0008 PENDUA (18).
- Hasanulddin Mohd, Zurita Mohd Yusoff, Engku Ibrahim Engku Wok Zin. (2022). Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas dan Metode Penghujahannya dengan Sunnah. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 5, Issue 4, 2022: 1-13.
- Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan 'JTGP'. (1980). *Buku Panduan Pentadbiran Tanah*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara, ed 1.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR'. (2009). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, ed 2.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR'. (2010). 'Manual Pengurusan Perletakhakan Tanah Wakaf'. Putrajaya: JAWHAR, ed 1.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2017). '*Kanun Tanah Negara 1965 / Akta 56*' ed. 1, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107-114.
- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). Dokumentasi Tanah Wakaf di Negeri Terengganu Sebelum Kemerdekaan dan Implikasinya Terhadap Keputusan Jawatankuasa Fatwa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 81 - 88.

- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. (2020). Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences: Vol 3 Issue 2*, 44-55.
- Mohd Afendi Mat Rani & Sayuti Ab Ghani. (2010). Implikasi Perundangan Terhadap Pendaftaran Tanah Wakaf Di Malaysia: Satu Kajian Dari Aspek Akta Pengambilan Tanah 1960. *Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vo 2 No 4*, 113-146.
- Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (2005). Kertas kerja seminar 'Penyelesaian Pusaka Kecil bagi Penghulu Dan Pengawal' Anjuran PTG, Terengganu. 31 Mac.
- Temubual Razak Rahman sebagai Ketua Penolong Setiausaha Pengurusan Mal, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu di biliknya jam 10.00 am, bertarikh 23 Ogos 2023
- Salleh Buang. (1993). *Undang-Undang Tanah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed 1.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). 'Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual'. Kuala Lumpur: Published in Malaysia, ed 4.
- Wan Hasyim. (1984). 'Petani Dan Persoalan Agraria'. ed, 1, Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.

